

Nazri: AUKU kekal sebagai undang-undang

Malaysiakini.com

November 3, 2011

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata keputusan mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti (Auku) 1971 belum muktamad dan ia kekal sebagai undang-undang.

NONE Beliau memberitahu Dewan Rakyat bahawa ia terpulang kepada Jabatan Peguam Negara sama ada ingin membuat rayuan atau tidak terhadap keputusan Mahkamah Rayuan Isnin lalu.

"Keputusan masih belum muktamad, kita tidak tahu rayuan berlaku atau tidak. Tunggu Peguam Negara sama ada nak buat rayuan atau tidak," katanya ketika menjawab soalan Datuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) ketika perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 peringkat Jawatankuasa kementeriannya.

Mahfuz merujuk keputusan Mahkamah Rayuan yang menyatakan Seksyen 15 (5) (a) AUKU yang melarang pelajar menyatakan sokongan dan simpati atau bantahan kepada mana-mana parti politik dalam dan luar negara, adalah tidak sah dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam keputusan majoriti 2-1, panel tiga hakim itu memutuskan seksyen tersebut tidak munasabah dan melanggar kebebasan bersuara.

NONEMenjawab soalan Mahfuz mengapa akta itu tidak dipinda di Parlimen, beliau berkata setiap pindaan perlu mengikut aturan undang-undang.

Mohamed Nazri juga menyentuh isu peraturan baru Suruhanjaya Pilihan Raya yang memerlukan penolong pendaftar pemilih dari parti politik untuk mengemukakan salinan kad pengenalan pengundi baru yang didaftarkan mereka.

Beliau berkata perkara itu bukan untuk menyusahkan pihak terlibat, tetapi bagi mengelakkan salah guna nama individu oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Kadangkala ada masalah IC (kad pengenalan) orang dicuri, orang daftar dia pun tak tahu, IC dia diambil dan didaftarkan di tempat lain.

azlan" Tetapi dengan salinan IC, ia ada (menunjukkan) persetujuan, kerana dia beri IC kalau tidak, orang boleh daftar (nama orang lain) tanpa pengetahuan," katanya semasa menjawab pertanyaan Datuk Dr Mohd Hayati Othman (PAS-Pendang) dan Teo Nie Ching (DAP-Serdang) yang mendakwa sistem baru itu hanya akan menyulitkan pendaftaran pengundi baru.

Persidangan Dewan Rakyat disambung hari ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/180358>